

CNS1197

U GB 28-03 00159 BA833

bah

Mahathir - Umno

KOTA BAHARU, 28 Mac (Bernama) -- Umno Kelantan dan Umno Terengganu akan menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama bagi menyelaraskan kegiatan parti di kedua-dua negeri itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

Beliau, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata semua bahagian Umno di negeri itu juga ingin mewujudkan perhubungan istimewa dengan semua badan perhubungan Umno negeri di seluruh negara.

+Ini bertujuan mengukuhkan kerjasama dengan semua perhubungan Umno negeri,+ katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat perhubungan Umno Kelantan di bangunan Umno di sini.

Beliau berkata mesyuarat perhubungan bersetuju dengan perhubungan seperti antara bahagian Bacuk dengan Johor, Kuala Krai/Johor, Pasir Puteh/Terengganu, Nilam Puri/Selangor, Tumpat/Kedah, Rantau Panjang/Perak, Gua Musang/Negeri Sembilan, Kota Baharu/Wilayah Persekutuan, Kok Lanas/Pahang, Machang/Pulau Pinang, Tanah Merah/Melaka dan Pasir Mas/Perlis.

Mesyuarat selama tiga jam itu dihadiri oleh hampir semua Ketua Bahagian Umno. -- Lagi

♥28/03/21-37MST

CNS1198

U GB 28-03 00145 BA834

bah

Mahathir - Umno 2 Kota Baharu

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mesyuarat juga membincangkan perkembangan politik di Kelantan, terutama tentang tindakan beberapa tokoh Semangat 46 yang keluar daripada parti itu dan sama ada mereka ini boleh diterima oleh Umno atau tidak.

Beliau berkata bahawa Umno telah membuat kenyataan bahawa ia sedia menerima semua orang Melayu yang sanggup menerima perjuangannya.

+Ini bukan perkara luar biasa dan kita menganggapnya perkara biasa dan mereka boleh memohon melalui cawangan-cawangan Umno,+ katanya, sambil menyebut kalau permohonan itu bermasalah, ia akan dipertimbangkan oleh Majlis Tertinggi Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Umno tidak akan memberi layanan istimewa kepada sesiapaupun yang memohon menganggotainya.

Beliau berkata mesyuarat juga mengatur kegiatan Umno Kelantan untuk tahun ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata Setiausaha Perhubungan Umno Negeri belum dilantik. -- Bernama

♥28/03/21-37MST